



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Warga emas mangsa penipuan 'Macau Scam' rugi RM30,000
Publication/Portal: Utusan Sarawak
Date: 7 March 2018

Language: Malay
Section: Berita Perdana
Page: 2

Warga emas mangsa penipuan 'Macau Scam' rugi RM30,000

EARLANEK

SIBU: Seorang lelaki warga emas 66, mengalami kerugian sebanyak RM30,000 apabila menjadi mangsa penipuan 'Macau Scam'.

Ketua Polis Daerah (KPD) Sibu, ACP Stanley Jonathan Ringgit berkata, mangsa menerima mesej khidmat

pesanan ringkas (sms) dari nombor 6886 berkenaan caj kad kredit salah sebuah bank dan diminta untuk menghubungi nombor telefon 1800816112.

"Seorang perempuan telah menjawab panggilan pengadu (mangsa) dan mengatakan nama serta nombor kad pengenalan pengadu telah disalahgunakan pihak ketiga untuk

mendaftar kad kredit.

"Pengadu menafikan dirinya mempunyai kad kredit bank tersebut dan seterusnya terima panggilan daripada seorang penama menggunakan nombor telefon 03-92121850 kononnya dari Bank Negara minta pengadu pergi ke mesin ATM salah sebuah bank dan mengikut arahan lelaki tersebut untuk tujuan

menukar kod bar belakang kad ATM miliknya sekiranya tidak mahu maklumat diri pengadu terus disalahgunakan,"katanya.

Stanley berkata demikian semasa dihubungi pemberita, petang kelmarin.

Tambahnya, pada hari sama, mangsa membuat semakan baki wang dalam akaun mendapati RM30,000 miliknya telah dipin-

dahkan ke akaun pihak ketiga.

"Pengadu belum membuat semakan bagi nombor akaun penerima daripada pihak bank" ujarnya.

Katanya, modus operandi suspek ialah memperdayakan pengadu untuk buat pindahan wang bagi menyelesaikan masalah kad kredit yang tidak wujud.